



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A. 2016/06/55 (HQ)**

### **MAJLIS PENYERAHAN PERDANA PBJ KEDAH**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini menyerahkan kunci replika rumah baharu kepada 10 penerima terpilih dari seluruh Kedah melalui Projek Baiti Jannati (PBJ).

Penyerahan kepada semua penerima disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral (B) Datuk Seri Jamil Khir Baharom di sebuah kediaman baharu seorang daripada penerima, Rozalee Omar, dari Sungai Daun, Yan.

Pengurus Besar Negeri (Kedah), Bahagian Pembahagian TNB, Zubir Hashim berkata, rumah baharu yang dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan ruang tamu diharap akan memberi keselesaan kepada para penerima serta keluarga masing-masing.

“Kita berjaya mengikut sasaran untuk tahun 2016 iaitu menyiapkan pembinaan kesemua 10 buah rumah baharu di negeri ini dengan menggunakan peruntukan agihan semula zakat perniagaan TNB sebanyak RM500 ribu.

“Manakala secara keseluruhan, sejak 2008 hingga 2015, kami berjaya memperbaiki 25 buah rumah yang melibatkan jumlah kos hampir RM1 juta,” katanya di majlis penyerahan itu.

Projek Baiti Jannati atau Rumahku Syurgaku di bawah program Tanggungjawab Korporat TNB, adalah selari dengan saranan kerajaan supaya Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti TNB, membantu kerajaan untuk memperbaiki rumah kediaman golongan sasaran yang memerlukan, termasuk orang kurang upaya, ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar.

Projek itu pada asalnya menggunakan peruntukan TNB sendiri di antara 2007 hingga 2012 dengan hanya memperbaiki rumah-rumah penerima. Sejak 2013, konsepnya diperluaskan kepada membina rumah baharu dengan menggunakan peruntukan zakat dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia dan sehingga kini, sebanyak 297 buah rumah berjaya dibina atau dibina semula.

**Dikeluarkan di Yan, Kedah pada 4 Jun 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Maizatul Nadiah Saadon /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*